



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	27/4/2017	MUKA SURAT	: 46
JABATAN	:	JPS / BANJIR		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

# Rayu selesaikan masalah banjir

Masalah yang berlarutan sejak tahun lalu menimbulkan kegusaran penduduk

SHAHIZATUL FARHA S ROSLI

**JOHOR BAHRU** - Masalah banjir kilat dan banjir lumpur yang berlarutan sejak tahun lalu menimbulkan kegusaran penduduk Kampung Maju Jaya, di sini yang terjejas teruk dan sering mengalami kesukaran.

Salah seorang penduduk, Selamat Sadijo, 67, berkata, masalah dipercayai berpunca dari limpahan air dari projek pembangunan yang terletak kira-kira 500 meter dari kawasan perkampungan itu.

"Setiap kali hujan lebat, akan berlaku limpahan air ke kawasan kampung terutamanya di Jalan Melati, Jalan Mawar serta kawasan rendah termasuk laluan utama Kempas-Senai.

"Keadaan ini disebabkan sistem 'U-drain' dan kolam takungan pihak pemaju tidak

**INFO** • Projek pembangunan terletak kira-kira 500 meter dari perkampungan.

dapat menampung jumlah air ketika hujan lebat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selamat berkata, pihak pemaju seharusnya menyediakan sistem saliran yang lebih teratur bagi mengalirkan air dari kolam takungan terus ke Sungai Tebrau bagi memastikan tidak berlaku limpahan.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Sazali Siron berkata, keadaan longkang dan sistem perparitan di kampung berkenaan yang lama tidak diselenggara turut menyebabkan masalah banjir kilat kerap berlaku di kawasan itu.

"Sistem perparitan di kampung ini yang tidak diselenggara sejak tahun 60-an turut menyebabkan keadaan banjir bertambah buruk," katanya.

Menurutnya, keadaan banjir yang berlaku menjejaskan kira-kira 30 kediaman penduduk serta pemilik kebun sawit berhampiran yang tidak dapat beroperasi sekiranya terjadi banjir lumpur.

"Dalam keadaan hujan lebat air akan naik adakalanya sehingga masuk ke dalam rumah, dalam minggu ini sahaja kami mengalami dua kali kejadian banjir kilat.

"Ada pekebun yang berhadapan masalah kerana kawasan mereka dipenuhi



SELAMAT



SAZALI



Sistem 'U-drain' dan kolam takungan pemaju tidak dapat menampung air ketika hujan lebat menyebabkan banjir kilat dan banjir lumpur.

lumpur tebal sehingga kerja-kerja mereka terganggu," katanya.

Sehubungan itu Sazali berkata, mereka berharap satu pertemuan diadakan antara penduduk kampung, pemaju, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta agensi berkaitan bagi mencari jalan penyelesaian segera berhubung masalah banjir kilat di kawasan itu.

Sementara itu, Ketua Whip Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Abd Aziz Tohak berkata, pihaknya sedia

maklum mengenai masalah itu dan akan merujuk kes berkenaan kepada jabatan yang berkenaan.

"Perkara ini memang sudah lama berlarutan dan kita juga telah adakan perbincangan bersama pihak-pihak yang berkaitan dan mereka juga telah ambil tindakan namun masalah sama masih berlaku.

"Jadi kita akan rujuk semula kes ini agar pertemuan lanjut dapat dilakukan untuk mencari penyelesaian lebih efektif," katanya.

Lumpur tebal memenuhi kebun kelapa sawit milik penduduk hingga menjejaskan kerja-kerja mereka.



Kampung Maju Jaya dinaiki banjir kilat dan banjir lumpur setiap kali hujan lebat.